

Rethinking Ourselves wajar dijadikan bahan wajib baca di IPT

● *Rethinking Ourselves* berdiri sebagai manifestasi pemikiran yang tumbuh daripada kesengsaraan, introspeksi dan keinginan untuk menata semula tamadun dengan asas moral yang lebih adil

● Anwar menulis dengan kesedaran penuh bahawa teori tanpa pelaksanaan adalah sia-sia dan pelaksanaan tanpa nilai adalah bahaya




Oleh Prof Dr Zaid Ahmad
bhrencana@bh.com.my

Rethinking Ourselves adalah buku yang amat menarik. Ia adalah refleksi intelektual dan falsafah politik menggabungkan pengalaman peribadi penulisnya yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan analisis teori mengenai perubahan dunia.

Buku ini lahir daripada catatan penjara ditulis Anwar ketika tempoh panjang pemenjarannya pada era 1974 hingga 1976, 1998-2004 dan 2015-2018. Asal usul buku ini berpunca daripada catatan dan nota bacaan yang menjadi penemuan beliau ketika dalam kurungan.

Seperti Antonio Gramsci yang menghasilkan *Prison Notebooks* ketika berada dalam penjara, Anwar juga menjadikan ruang penjara sebagai tempat perenungan dan penzahiran semula idea mengenai keadilan, kebebasan dan masa depan negara.

Dalam buku ini, Anwar menelusuri pengalaman hidupnya sebagai mahasiswa dan aktivis Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pada dekad 1970-an, menteri dan Timbalan Perdana Menteri pada 1980-an serta 1990-an hingga detik pemecatan dan pemenjarannya pada 1998.



Semua pengalaman itu disaring menjadi renungan falsafah dan dijalin dengan wacana intelektual Islam dan Barat, daripada tokoh Islam seperti Iqbal dan Shariati hingga tokoh Barat seperti Tocqueville, Locke, Fanon dan Isaiah Berlin.

Pandemik COVID-19 pula menjadi pemicu penting yang mempercepatkan lahirnya versi akhir buku ini. Anwar menyedari bahawa 'normal lama' sebenarnya adalah punca masalah dari ketidakadilan, rasuah, diskriminasi dan kebergantungan pada pembangunan material semata-mata.

Dari situ, beliau mengembangkan idea bahawa manusia perlu *rethink everything*, termasuk diri sendiri, sistem politik dan nilai kemanusiaan. Maka, *Rethinking Ourselves* berdiri sebagai manifestasi pemikiran yang tumbuh daripada kesengsaraan, introspeksi dan keinginan untuk menata semula tamadun dengan asas moral yang lebih adil.

Buku ini pada masa sama sebenarnya turut berfungsi sebagai peta intelektual yang menjelaskan akar falsafah di sebalik semua tindakan dan dasar Anwar selepas beliau dilantik sebagai Perdana Menteri pada November 2022.

Teori Postnormal Times

Sumber pemikiran terasnya ialah teori *Post-normal Times* yang diperkenalkan Dr Ziauddin Sardar berasaskan empat ciri utama perubahan - *speed, scope, scale* dan *simultaneity* - yang melahirkan dunia yang semakin kompleks, huru-hara dan penuh kontradiksi.

Anwar mengakui dunia kini tidak boleh lagi dikawal melalui model pentadbiran lama, sebaliknya mesti dinakhodakan secara bijak-sana. Maka, falsafah pentadbiran beliau selepas 2022 banyak berasaskan konsep 'navigasi', iaitu kebebasan menyesuaikan diri dan memimpin dalam ketidakpastian.

Daripada kerangka ini, lahirhlah falsafah kebangsaan Malaysia MADANI yang berpaksikan enam nilai utama: *Sustainability, Care & Compassion, Respect, Innovation, Prosperity* dan *Trust*, yang digabungkan dalam akronim SCRIPT.

Nila ini kerangka etika dirangka untuk menjadi panduan kepada semua dasar kerajaan. Ia mencerminkan usaha untuk menyeimbangkan pembangunan material dengan kemanusiaan serta menjadikan dasar ekonomi dan sosial Malaysia berteraskan ihsan, kepercayaan dan inovasi.

Selain itu, *Rethinking Ourselves* turut memperlihatkan penolakan tegas Anwar terhadap pemikiran neoliberalisme ekstrem tanpa menolak fungsi pasaran. Beliau menyokong ekonomi berasaskan nilai - apa yang beliau sebut sebagai humane economy - iaitu pasaran yang bebas, tetapi beretika dan tidak terlepas dari landasan manusiawi, dengan peranan aktif kerajaan untuk mengawal ketidakadilan, menghapuskan rasuah dan memelihara kesejahteraan sosial.

Ini menjelaskan mengapa selepas menjadi Perdana Menteri, beliau menekankan disiplin fiskal, pembasmian

ketirisan serta pembangunan yang berasaskan nilai, bukan keuntungan semata-mata.

Anwar juga menekankan reformasi institusi sebagai warisan perjuangan panjang menentang penyalahgunaan kuasa. Bagi beliau, keadilan hanya bermakna jika undang-undang ditegakkan tanpa kekebalan politik.

Dalam bidang diplomasi pula, beliau menterjemahkan ideanya mengenai dunia multipolar dengan pendekatan pragmatik. Malaysia, menurutnya, tidak boleh terikat kepada mana-mana blok kuasa besar, sebaliknya mesti menggunakan upaya dan agensi sendiri untuk memperluas kerjasama global seperti melalui BRICS, ASEAN dan pelbagai rangka kerja Selatan Global.

Dalam bidang pendidikan dan teknologi pula, Anwar menekankan keperluan melahirkan rakyat yang mampu berfikir rentas disiplin, kreatif dan sedar terhadap masa depan yang tidak menentu.

Seruan beliau agar pendidikan juga melatih generalist dan polymath menggambarkan cita-cita membentuk generasi yang mampu mengurus kompleksiti. Malah, inisiatif seperti AI for Rakyat juga berakar daripada pemikiran ini, iaitu bahawa kemajuan teknologi mesti digandingkan dengan nilai moral dan tanggungjawab kemanusiaan.

Rethinking Ourselves ialah sumbangan besar dalam wacana politik dan pemikiran kebangsaan Malaysia. Ia memaparkan Anwar bukan sekadar sebagai ahli politik, tetapi sebagai pemikir yang cuba menyatukan etika Islam, falsafah kemanusiaan sejagat dan teori kontemporari perubahan sosial.

Keistimewaan utama karya ini ialah keberaniannya menggabungkan pengalaman peribadi dengan gagasan universal. Nilai SCRIPT yang diperkenalkan bukanlah konsep abstrak, tetapi hasil pemerhatian panjang terhadap kelemahan sistem lama dan keperluan membina semula masyarakat yang berteraskan nilai. Anwar menulis dengan kesedaran penuh bahawa teori tanpa pelaksanaan adalah sia-sia dan pelaksanaan tanpa nilai adalah bahaya.

Kekuatan buku ini juga terletak pada keluasan wacana intelektualnya. Ia menghubungkan Shakespeare dengan P Ramlee, Adam Smith dengan Stiglitz dan Iqbal dengan Sardar. Ini memerlukan kemampuan luar biasa untuk menyeimbangkan Timur dan Barat tanpa sekali-kali kehilangan jati diri.

Karya besar ini menempatkan beliau sebagai antara pemimpin dunia Islam yang paling banyak membaca dan berfikiran jauh, seorang yang berani mengakui keterbatasan manusia, tetapi tidak pernah berhenti berharap kepada keadilan dan kebenaran.

Tegasnya, *Rethinking Ourselves* bukan sekadar buku mengenai seorang tokoh, tetapi masa depan bangsa dan kemanusiaan seluruhnya. Ia menyeru kita untuk mempersiapkan diri menghadapi 'ribut pascanormal' dengan senjata nilai, ilmu dan keinsafan.

Memang wajar sekali jika buku ini dijadikan bacaan utama, khususnya di institusi pendidikan tinggi (IPT).